



41 anak yatim dirai pada majlis raya

TIDAK DIPINGGIRKAN. Seramai 41 anak yatim dari Rumah Pengasih Warga Prihatin, Kajang, Selangor diraikan dalam majlis Merdeka Raya 2013 anjuran Kelab Alumni Senibina Landskap (Kasel) Universiti Putra Malaysia di Serdang baru-baru ini.

Penasihat Kasel, Prof. Dr. Mustafa Kamal Mohd Shariff berkata, program tersebut menggabungkan usaha ahli kelab berkenaan yang terdiri daripada alumni baharu dan lama.

Katanya, program itu bukan sekadar meraikan golongan anak yatim tetapi juga dapat merapatkan hubungan antara bekas pelajar selaku ahli alumni dengan kakitangan universiti.

"Kita seharusnya mencontohi graduan luar negara yang mempunyai semangat cintakan kampus biarpun sudah lama membina kerjaya," katanya.

Selain duit raya, anak-anak yatim yang diraikan dalam majlis itu turut disajikan dengan juadah enak seperti lemang, rendang, nasi himpit dan mi soto.

PELAJAR dan kakitangan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina Universiti Putra Malaysia bergambar bersama anak-anak yatim pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di Serdang, Selangor baru-baru ini.